

# BUDAYA PENJAJA DI SINGAPURA

Amalan Menjamu Selera Masyarakat dan Masak-memasak  
dalam Konteks sebuah Bandar Berbilang Budaya

Pencalonan untuk Senarai Wakil Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusian UNESCO



Pada Ogos 2018, Singapura mengumumkan hasratnya untuk mencalonkan Budaya Penjaja di Singapura bagi Senarai Wakil Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO. Sejak itu, pelbagai masyarakat, kumpulan dan individu telah menyumbang dan mengambil bahagian dalam penyediaan pencalonan.

Pada Mac 2019, Singapura mengemukakan dokumen pencalonan untuk menyertai **"Amalan Menjamu Selera Masyarakat dan Masak-memasak dalam Konteks sebuah Bandar Berbilang Budaya"** dalam Senarai Wakil UNESCO. Tajuk ini dipilih kerana ia mewakili ciri-ciri budaya penjaja seperti berikut:

- Pusat penjaja sebagai **ruang makan untuk masyarakat**
- Menguasai kemahiran oleh penjaja, yang mempunyai **pengalaman dan amalan memasak**
- Mencerminkan **masyarakat berbilang kaum** di Singapura
- Budaya yang pesat dalam **persekitaran bandar**

Dokumen ini meringkaskan borang pencalonan yang dikemukakan kepada UNESCO pada Mac 2019.

TEH  
SIU-DAI

DABAO!

## HAWKER CULTURE IN SINGAPORE

Community Dining and Culinary Practices in a Multicultural Urban Context

## 新加坡小贩文化

多元文化城市环境中  
的社区餐饮与烹饪习俗

## BUDAYA PENJAJA DI SINGAPURA

Amalan Menjamu  
Selera Masyarakat dan  
Masak-memasak dalam  
Konteks sebuah Bandar  
Berbilang Budaya

## சிங்கப்பூரில் உணவுங்காடி கலாசாரம்

பல கலாசார நகர்ப்புறங்களில்  
ஒன்றுக்கொடி உணவுஞ்சல்லும்  
சமையல் பழக்கவழக்கங்களும்



# Apakah Budaya Penjaja?

Budaya Penjaja adalah sebahagian daripada kehidupan sehari-hari di Singapura, yang melibatkan penjaja yang menyediakan makanan bagi orang ramai yang bergaul sambil makan di pusat penjaja. Ia mengenai masyarakat, tempat dan makanan.

Penjaja memainkan peranan penting bagi mengekalkan Budaya Penjaja Singapura. Mereka memegang amalan memasak khusus yang diturunkan dari generasi ke generasi.

## Apakah fungsi sosial dan makna Budaya Penjaja?



Ia memberikan rasa identiti dan kesinambungan untuk orang-orang di Singapura.



Ia membangkitkan kenangan dan mengingatkan rakyat Singapura di luar negara.



Ia merangkumi orang dari semua latar belakang, mengekalkan interaksi masyarakat dan memupuk rasa inklusif.



Ia menyediakan hidangan yang berpatutan kepada orang-orang dari pelbagai kaum strata sosial, agama dan budaya, sambil menawarkan sara hidup untuk penjaja.

## Siapakah masyarakat, kumpulan dan individu yang terlibat?

Penjaja, kumpulan bersekutu dan orang yang makan dan bergaul di pusat penjaja terlibat dalam amalan dan menjaga Budaya Penjaja:



**A** Kira-kira 6,000 Penjaja

**B** Persatuan Penjaja

Diwakili penjaja di pusat penjaja masing-masing

**C** Persekutuan Persatuan Peniaga, Singapura (FMAS)

Pertubuhan bukan mencari untung, bekerjasama dengan persatuan dan wakil penjaja untuk memperjuangkan kepentingan penjaja dan menjaga Budaya Penjaja

**D** Pertubuhan masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan, sektor swasta dan awam

**E** Penduduk Singapura

2

## Kenyataan, Kesedaran dan Dialog

Bagaimakah pencalonan ini dapat meningkatkan kenyataan dan kesedaran mengenai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (ICH)?


### Di peringkat tempatan

- Mendorong masyarakat setempat untuk mengenali dan menghargai amalan ICH yang mengelilingi kehidupan sehari-hari mereka



### Di peringkat nasional

- Meningkatkan pemahaman ICH sebagai warisan yang dinamik
- Memperluaskan pemahaman terhadap warisan melebihi bentuk ketara (contohnya tapak bersejarah dan artifak muzium)



### Di peringkat antarabangsa

- Galakkan dialog dengan negara lain dalam bidang ICH dan memudahkan kerjasama di peringkat antarabangsa
- Tunjukkan bagaimana ICH boleh menyumbang kepada pembangunan yang kekal, termasuk meningkatkan kesejahteraan sosial, memupuk keamanan makanan dan mengekalkan mata pencarian



Penyertaan ini juga boleh menggalakkan dialog antara mereka dari pelbagai budaya dan generasi, memberi inspirasi terhadap masakan yang kreatif dan meningkatkan rasa hormat terhadap kepelbagaiannya budaya.

3

## Melindungi Budaya Penjaja

Apakah langkah-langkah yang akan melindungi dan mempromosikan elemen ini?

### Masyarakat, Kumpulan dan Individu



### Penghantaran

- Penjaja**  
berikan amalan masakan kepada ahli keluarga atau perantis, dan memimpin program untuk perantis
- Institusi masakan dan latihan (contohnya Institut Pendidikan Teknikal)**  
menganjurkan program untuk pelajar mempelajari cara operasi gerai penjaja dan menggalakkan penjaja yang bercita-cita untuk menyertai latihan



### Perlindungan

- FMAS, persatuan penjaja dan wakil-wakil**  
menjaga kepentingan penjaja dan memantau isu di pusat penjaja



### Promosi dan Meningkatkan Kesedaran

- NGO (contohnya Slow Food Singapore)**  
meningkatkan kesedaran tentang makanan dan Budaya Penjaja melalui bengkel dan program

## Sektor Awam

### Agenси Sekitaran Kebangsaan (NEA)

- Rancang dan bina pusat penjaja untuk menyediakan persekitaran yang bersih untuk para penjaja dan pelanggan
- Membangunkan dasar penjaja untuk memastikan pilihan makanan yang berpatutan
- Galakkan peserta baru untuk berdagang melalui program seperti "Program Inkubasi Gerai"
- Meningkatkan pusat penjaja sebagai ruang sosial melalui program "Pusat Penjaja yang Bersemarak"
- Melibatkan pihak berkepentingan mengenai isu-isu mengenai penjaja dan pusat penjaja



### Lembaga Warisan Negara (NHB)

- Bekerjasama dengan individu dan kelompok masyarakat untuk mendokumentasikan dan meningkatkan kesadaran terhadap Budaya Penjaja melalui penerbitan, risalah masyarakat dan pameran
- Memaparkan Budaya Penjaja ke dalam pengaturcaraan budaya (contohya Festival Warisan Singapura)
- Menyokong kumpulan masyarakat dan universiti dalam penyelidikan dan dokumentasi melalui geran



### Sekolah

- Memupuk rasa pemahaman terhadap Budaya Penjaja melalui kurikulum dan projek



4

# Penyertaan oleh Masyarakat

Bagaimanakah masyarakat, kumpulan dan individu terlibat dalam penyediaan pencalonan?

### Penjaja, Persatuan Penjaja dan FMAS



Penjaja memaparkan pelekat mengenai pencalonan di gerai mereka.



Sesi perkongsian oleh FMAS kepada persatuan penjaja mengenai pencalonan.



Kredit Foto: Liu Ying, @liuying.photos



Kredit Foto: Amrita Chandras, @amritachandras

Penjaja adalah sebahagian daripada gerakan sosial, di mana banyak kisah peribadi mereka dipaparkan di media sosial, termasuk bagaimana ibu bapa, mentor dan rakan mereka telah memberi inspirasi kepada mereka supaya menjadi penjaja. Ramai warga juga mengirimkan foto dan pesanan yang menyentuh perasaan di media sosial, dan menunjukkan penghargaan kepada penjaja kegemaran mereka.

## Jawatankuasa Pencalonan


Jawatankuasa dari pelbagai sektor, termasuk para penjaja dan wakil dari NGO, terlibat dalam menyediakan usaha pencalonan, termasuk dalam perbincangan langkah-langkah perlindungan dan memberi nasihat tentang inisiatif untuk menggalakkan penyertaan masyarakat.

## Sekolah, Masyarakat dan Entiti Persendirian



Kredit Foto: Sekolah Rendah Pertama Toa Payoh

Pelajar dan guru dari Sekolah Rendah Pei Chun dan Sekolah Rendah Pertama Toa Payoh telah bekerjasama dalam projek mengenai Budaya Penjaja.



Lukisan oleh pelajar dari Sekolah Menengah Riverside, yang menggambarkan pelbagai jenis makanan dan istilah umum yang didengar di pusat penjaja.



Pelajar dari Sekolah Rendah St Gabriel berpakaian sebagai penjaja untuk melibatkan pengunjung di pameran "Budaya Penjaja Singapura" di Muzium Negara Singapura.



Pelajar sukarelawan dari Ngee Ann Politeknik di pameran "Budaya Penjaja Singapura".

## Secara Imbas





5

## Inventori Wakil Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan di Singapura



# Kesimpulannya

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada warga Singapura, penjaja, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, pertubuhan, institusi dan sekolah yang menyokong pencalonan Budaya Penjaja di Singapura sejak ia diumumkan pada bulan Ogos 2018.

Dokumen pencalonan, yang terdiri daripada borang pencalonan, gambar, video dan bukti sokongan persetujuan oleh masyarakat, kumpulan dan individu, telah diserahkan kepada UNESCO pada bulan Mac 2019.

Keputusan akan diumumkan pada akhir tahun 2020 di Mesyuarat Antara Kerajaan UNESCO mengenai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara ini.



Usaha Kerjasama Oleh:



新加坡全國商聯總會  
THE FEDERATION OF MERCHANTS' ASSOCIATIONS, SINGAPORE

Dengan Sokongan Dari:



Ministry of the Environment  
and Water Resources



[www.oursgheritage.sg](http://www.oursgheritage.sg)



#OurHawkerCulture

TEH  
SIU-DAI



DABAO!

